


**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(AKTA 171)**

**UNDANG-UNDANG KECIL KERAJAAN TEMPATAN
(DATARAN MERDEKA)
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1992**

P.U.(A) 304/92

SENARAI PINDAAN :

BIL.	NO. P.U.(A) NO. P.U.(B)	TARIKH DIWARTAKAN	CATITAN
1	P.U.(A) 522/92		
2	P.U.(A) 227/94		
3	P.U.(A) 365/07		
4	P.U.(A) 167/15		
5			
6			
7			
8			



MALAYSIA

**Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 36
No. 17

13hb Ogos 1992

*TAMBAHAN No. 53
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 304.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL KERAJAAN TEMPATAN
(DATARAN MERDEKA) (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR)
1992**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta *Akta 171* Kerajaan Tempatan 1976, Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-
Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Dataran Merdeka)
(Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992.** Nama dan
Pemakaian.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja.

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya *Tafsiran*, menghendaki makna yang lain—

“Dataran Merdeka” ertiinya nama yang diberi kepada tanah yang dinyatakan dalam undang-undang kecil 3;

“Datuk Bandar” ertiinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960; *Akta 190*.

“perkakas jalan” ertiinya apa-apa bekas sampah sarap, atau lampu, lampu perhiasan, lampu sorot atau yang menyerupainya, atau bangku panjang, bangku atau apa-apa lain tempat duduk, bekas tanaman, pengadang atau jeriji, pokok, tonggak, adang rel, kaki lima atau tanda;

"struktur" termasuk apa-apa tembok, pagar, tempat berpegang, kolumn, tiang, bangsal, tempat berteduh, pondok kecil, papan video metrik berwarna, papan, perkakas jalan, perenjis, alat pembesar suara, paip dan pancutan air, lantai, bilik kawalan, bilik pam, bilik tangki air, bilik utiliti, bilik elektrik, pintu masuk ke tiang bendera seratus meter yang dibina di bawah tanah yang berhubungan dengan Dataran Merdeka.

*Kedudukan
Dataran Merdeka.*

3. Dataran Merdeka adalah kesemua permukaan tanah yang disempadani oleh Jalan Sultan Hishamuddin, Jalan Raja dan Jalan Kelab kecuali kawasan yang diduduki oleh Kelab Diraja Selangor di bawah hak milik tanah No. C.T. (R) 4366 Seksyen 59.

*Kesalahan-
kesalahan.*

4. Tiada seorang pun boleh, kecuali diluluskan oleh Datuk Bandar secara bertulis, di Dataran Merdeka—

- (a) memakan apa-apa makanan, meminum apa-apa minuman, atau menghisap apa-apa rokok, cerut atau apa-apa tembakau;
- (b) memotong, mengalih, merosakkan, memetik mana-mana daun, dahan, bunga atau benih mana-mana tumbuh-tumbuhan atau pokok;
- (c) memotong, membantun, menggali, mengalih atau merosak mana-mana tumbuh-tumbuhan, pokok atau rumput;
- (d) mengorek atau mengalih tanah;
- (e) memanjat mana-mana pokok atau binaan;
- (f) mengotorkan, mencacatkan, membuat pengubahan kepada, memindah atau merosak mana-mana binaan;
- (g) memaku, mengikat, menyimpul, merantai, melukis, menconteng, mengecat, menyembur, menanda, melekat, mengukir, mempamerkan, menaruh atau menggantung apa-apa benda di atas mana-mana pokok, tumbuh-tumbuhan atau struktur;
- (h) berjalan di atas, memijak atau berdiri di atas mana-mana rumput, batas tanaman atau pokok-pokok renik;
- (i) memasuki atau memanjat tiang bendera seratus meter;
- (j) menunggang, memandu, menarik atau menolak apa-apa kenderaan yang didorong jentera atau selainnya atau meluncur dengan "skate";
- (k) mengotor atau mencemarkan air di dalam mana-mana pancutan air;
- (l) mencacatkan atau mengalih apa-apa notis yang dipamerkan oleh Datuk Bandar;

- (m) meludah, membuang air kecil atau besar;
- (n) memindah, membuat pengubahan kepada, mengalih, mencacat atau tamper apa-apa benda yang dipamerkan, dipertunjukkan, dilekat, digantung, ditaruh, dibina atau didirikan oleh Datuk Bandar;
- (o) menegakkan apa-apa khemah, warung, bangsal atau struktur lain;
- (p) menjatuh, membuang, meletak, menaruh atau meninggalkan apa-apa benda;
- (q) memasang api atau membakar bunga api atau mercun;
- (r) berbaring atau tidur di mana-mana bahagian Dataran Merdeka; atau
- (s) membenarkan apa-apa binatang yang di bawah kawalannya masuk atau berada di mana-mana bahagian Dataran Merdeka.

5. Tiada seorang pun boleh menggunakan bahasa yang lucah atau sumbang atau berkelakuan dengan cara tidak sopan atau lucah di Dataran Merdeka.

Larangan
berkelakuan tidak
sopan atau lucah.

6. Tiada seorang pun boleh berada di Dataran Merdeka antara pukul 1 pagi dan 6 pagi.

Larangan masuk
pada waktu-waktu
tertentu.

7. Tiada seorang pun boleh menjaja di mana-mana bahagian Dataran Merdeka.

Larangan
menjaja.

8. Tiada seorang pun boleh, melainkan dikecualikan, mengadakan apa-apa ucapan awam, tunjuk perasaan, perhimpunan, mesyuarat, perkumpulan atau aktiviti lain di Dataran Merdeka tanpa permit daripada Datuk Bandar.

Larangan
mengadakan
perhimpunan, dsb.
tanpa permit.

9. Datuk Bandar akan mempunyai kuasa-kuasa untuk—

Kuasa-kuasa
Datuk Bandar.

- (i) melulus dan memberi, atau menolak apa-apa permohonan untuk suatu permit;
- (ii) mengenakan dan melampirkan syarat-syarat tertentu sebagaimana yang difikirkannya patut kepada permit itu; dan
- (iii) membatal permit-permit yang dikeluarkan pada bila-bila masa.

10. (I) Suatu permohonan untuk permit bagi mengadakan apa-apa ucapan awam, tunjuk perasaan, perhimpunan, mesyuarat, perkumpulan atau aktiviti lain hendaklah dibuat kepada Datuk Bandar secara bertulis dalam bentuk yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

Permohonan untuk
permisi.

(2) Jika permohonan itu diluluskan, Datuk Bandar hendaklah atas pembayaran suatu jumlah sebagai deposit yang boleh ditemtukan olehnya, mengeluarkan kepada pemohon suatu permit.

(3) Pemegang permit hendaklah mematuhi segala syarat yang dilampirkan pada permit itu.

Bentuk dan tempoh permit.

11. Permit itu hendaklah dalam bentuk dan sah untuk apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

Perlucutakkan deposit.

12. (1) Tanpa menjelaskan mana-mana peruntukan lain dalam Undang-Undang Kecil ini, jika terdapat suatu perlanggaran apa-apa syarat permit, Datuk Bandar boleh melucutakkan kesemua atau sebahagian deposit yang dibayar di bawah perenggan (2) undang-undang kecil 10 jika, selepas memberi pemegang permit suatu peluang untuk didengar, dia gagal memuaskan hati Datuk Bandar tentang kenapa deposit itu tidak sepatutnya dilucutakkan.

(2) Apa-apa deposit yang tidak dilucutakkan di bawah perenggan (1) hendaklah dikembalikan kepada pemegang permit tanpa faedah selepas habis tempoh permit.

Mendapatkan perbelanjaan ditanggung oleh Datuk Bandar.

13. (1) Pemegang permit hendaklah, sebaik sahaja selesai mengadakan ucapan awam, tunjuk perasaan, perhimpunan, mesyuarat, perkumpulan atau aktiviti lain, menjalankan apa-apa kerja yang dikehendaki dibuat olehnya di bawah syarat-syarat permit.

(2) Jika pemegang permit gagal menjalankan kerja yang dikehendaki di bawah syarat-syarat permit dalam tempoh yang ditentukan oleh Datuk Bandar, Datuk Bandar boleh menjalankan kerja itu dan memotong apa-apa perbelanjaan yang ditanggung olehnya dari deposit yang dibayar di bawah perenggan (2) undang-undang kecil 10.

(3) Jika perbelanjaan yang ditanggung oleh Datuk Bandar dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh perenggan (2)—

(a) kurang daripada jumlah deposit, bakinya hendaklah dikembalikan kepada pemegang permit; atau

(b) melebihi jumlah deposit, bakinya hendaklah didapatkan daripada pemegang permit sebagai hutang.

Kuasa untuk memerintah keluar dari Dataran Merdeka.

14. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini boleh diperintah keluar dari Dataran Merdeka oleh Datuk Bandar.

(2) Mana-mana orang yang ingkar dari mematuhi perintah itu boleh dialih dengan kekerasan oleh Datuk Bandar.

15. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan ^{Penalti} Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitikan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Diperbuat pada 5hb Jun 1992.
[JHEU2. 43/90; PN. (PU²) 328/25.]

TAN SRI DATO' ELYAS BIN OMAR,
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Disahkan pada 14hb Julai 1992.

DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,
Perdana Menteri

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LOCAL GOVERNMENT (DATARAN MERDEKA) (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) BY-LAWS 1992

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the Commissioner makes, and pursuant to ^{Act 171.} section 103 of the said Act the Minister confirms, the following by-laws:

1. (1) These By-laws may be cited as the Local Government (Dataran Merdeka) (Federal Territory of Kuala Lumpur) ^{Citation and application.} By-Laws 1992.

(2) These By-laws shall apply only to the Federal Territory of Kuala Lumpur.

2. In these By-laws, unless the context otherwise requires— ^{Interpretation.}

"Commissioner" means the Commissioner of the City of Kuala Lumpur appointed under section 4 of the Federal Capital Act, 1960; ^{Act 190.}

"Dataran Merdeka" means the name given to the land as described in by-law 3;

"street furniture" means any litter bin, or lamp, decorative light, spotlight or the like, or bench, stool or any other sitting accommodation, planter, tree grating or guard, bollard, guard rail, payment or sign;

"structure" includes any wall, fence, railing, column, pole, shed, shelter, kiosk, colour video metric board, board, street furniture, sprinkler, speaker, pipe and fountain, floor, control room and pump room, water tank room, utility room, electrical room, entrance to the hundred metre flag pole constructed underground connecting the Dataran Merdeka.

**Location of
Dataran Merdeka:**

3. Dataran Merdeka shall be the whole of the top surface of the land bounded by Jalan Sultan Hishamuddin, Jalan Raja and Jalan Kelab excluding the area occupied by the Royal Selangor Club held under title No. C.T. (R) 4366 Section 59.

Offences.

4. No person shall, unless approved by the Commissioner in writing, in the Dataran Merdeka—

- (a) eat any food, drink or smoke any cigarette, cigar or any tobacco;
- (b) cut, remove, damage, pluck any leaf, branch, flower or seed of any plant or tree;
- (c) cut, uproot, dig, remove or damage any plant, tree or grass;
- (d) excavate or remove any earth;
- (e) climb any tree or structure;
- (f) dirty, deface, make alteration to, displace or damage any structure;
- (g) nail, tie, bind, chain, draw, scribble, paint, spray, mark, affix, inscribe, display, place or hang anything on any tree, plant or structure;
- (h) walk over, step or stand on any grass, planting bed or shrubbery;
- (i) enter or climb the hundred metre flag pole;
- (j) ride, drive, pull or push any vehicle whether mechanically propelled or otherwise or slide with a skate;
- (k) contaminate or pollute the water in any fountain;
- (l) deface or remove any notice displayed by the Commissioner;
- (m) spit, urinate or defecate;
- (n) displace, make any alteration to, remove, deface or tamper with anything displayed, exhibited, affixed, hung, placed, constructed or set up by the Commissioner;
- (o) erect any tent, booth, shed or other structure;
- (p) drop, throw, deposit, place or leave anything whatsoever;
- (q) kindle any fire or any fireworks or crackers;
- (r) lie down or sleep in any part of Dataran Merdeka; or
- (s) allow any animal which is under his control to enter or remain in any part of Dataran Merdeka.

5. No person shall use any indecent or offensive language or behave in any disorderly or indecent manner in the Dataran Merdeka. Prohibition against disorderly or indecent behaviour.
6. No person shall remain in the Dataran Merdeka between 1 a.m. and 6 a.m. No entry at certain hours.
7. No person shall hawk in any part of the Dataran Merdeka. Prohibition against hawking.
8. No person shall, unless exempted, hold any public address, demonstration, assembly, meeting, gathering or any other activity in the Dataran Merdeka without a permit from the Commissioner. Prohibition against holding assembly, etc., without permit.
9. The Commissioner shall have powers to— Powers of the Commissioner.
- (i) approve and grant or refuse any application for a permit;
 - (ii) impose and attach certain conditions as he thinks fit to the permit; and
 - (iii) revoke the permits issued at any time.
10. (1) An application for a permit to hold any public address, demonstration, assembly, meeting, gathering or any other activity shall be made in writing to the Commissioner in such form as may be determined by the Commissioner. Application for permit.
- (2) Where the application is approved, the Commissioner shall, on payment of a sum as deposit as he may determine, issue to the applicant a permit.
- (3) The permit holder shall comply with the conditions attached to the permit.
11. The permit shall be in such form and shall be valid for any period as the Commissioner may determine. Form and duration of permit.
12. (1) Without prejudice to any other provisions of these By-laws, where there is any breach of the conditions of the permit, the Commissioner may forfeit the deposit paid under paragraph (2) of by-law 10 in whole or in part if, after giving the permit holder an opportunity of being heard, he fails to satisfy the Commissioner as to why the same should not be forfeited. Forfeiture of deposit.
- (2) Any deposit not forfeited under paragraph (1) shall be refunded to the permit holder without any interest after the expiry of the permit.
13. (1) The permit holder shall, as soon as the public address, demonstration, assembly, meeting, gathering or any other activity is over, execute any work which is required to be done by him under the conditions of the permit. Recovery of expenses incurred by the Commissioner.

(2) If the permit holder fails to execute the work as required under the conditions of the permit within the period specified by the Commissioner, the Commissioner may carry out such work and deduct any expenses incurred by him from the deposit paid under paragraph (2) of by-law 10.

(3) Where the expenses incurred by the Commissioner in carrying out the powers conferred by paragraph (2)—

(a) is less than the amount of the deposit, the balance shall be refunded to the permit holder; or

(b) exceeds the amount of the deposit, the balance shall be recoverable from the permit holder as a debt.

Power to order out of Dataran Merdeka.

14. (1) Any person who contravenes any of the provisions of these By-laws may be ordered out of the Dataran Merdeka by the Commissioner.

(2)... Add. Ly, P.U.(A) 522/92.

Penalty.

15. Any person who contravenes any of the provisions of these By-laws shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or a term of imprisonment not exceeding one year or to both.

Made the 5th June 1992.

[JHEU2. 43/90; PN. (PU²) 328/25.]

TAN SRI DATO' ELYAS BIN OMAR,
Commissioner of the City of Kuala Lumpur

Confirmed the 14th July 1992.

DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,
Prime Minister

P.U. (A) 305.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) (PINDAAN) 1992

Akta 133

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Menteri membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan pemakuan.

I. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bangunan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 1992**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

P.U.(A) 522/92

(d) by inserting immediately after paragraph (b) under the new caption the following new paragraph (c):

"(c) Acesulfame potassium.

Acesulfame potassium shall contain not less than 99 per cent and not more than 101 per cent of acesulfame potassium on a water-free basis"; and

(e) by inserting immediately below Table I the following new Table II:

"(Regulation 133 (2A))

TABLE II

MAXIMUM PERMITTED PROPORTION OF ACESULFAME POTASSIUM IN SPECIFIED FOOD

(1)	(2)
<i>Food</i>	<i>Maximum permitted proportion</i>
Low energy soft drink	600 mg/liter
Other low energy food	3000 mg/kg".

Made the 1st October 1992.
[KKM. 163 (2/I) Sk. III Jld. 2; PN. (PU²) 418/III.]

DATO' LEE KIM SAI,
Minister of Health

P.U. (A) 522.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL KERAJAAN TEMPATAN (DATARAN MERDEKA)
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1992

PEMBETULAN

DALAM teks Bahasa Inggeris P.U. (A) 304 yang disiarkan pada 13hb Ogos 1992, masukkan selepas sahaja perenggan (1) undang-undang kecil 14 perenggan (2) yang berikut:

"(2) Any person refusing to obey such order may be forcibly removed by the Commissioner.".

[JHEU². 43/90; PN. (PU²) 328/25.]

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LOCAL GOVERNMENT (DATARAN MERDEKA) (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) BY-LAWS 1992

CORRIGENDUM

In the English text of P.U. (A) 304 published on the 13th August 1992, insert immediately after paragraph (1) of by-law 14 the following paragraph (2):

"(2) Any person refusing to obey such order may be forcibly removed by the Commissioner.".
[JHEU². 43/90; PN. (PU²) 328/25.]

P.U. (A) 523.

AKTA KASTAM 1967

PERATURAN-PERATURAN KASTAM (PINDAAN) (NO. 3) 1992

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 142 Akta ^{Act 235} Kastam 1967, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) (No. 3) 1992** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 26hb November 1992.
2. Bahagian I Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Kastam 1977 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Barang-barang tak berduti" yang terdapat di bawah ruang "Perihal Barang-barang" bersetentangan dengan Port Kastam "Kukup" dengan perkataan-perkataan "Barang kegunaan sendiri pengembala-pengembala bona fide dan apa-apa barang lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah".

Nama dan mula berkuatkuasa.

Pindaan
Bahagian I
Jadual Pertama
P.U. (A) 162/77

Dibuat pada 20hb Oktober 1992.
[Sulit KE. HE. (96) 667/07-19; Perb.; PN. (PU²) 338/XI.]

ANWAR IBRAHIM,
Menteri Kewangan

CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (AMENDMENT) (No. 3) REGULATIONS 1992

In exercise of the powers conferred by section 142 of the Customs Act ^{Act 235} 1967, the Minister makes the following regulations:

1. These Regulations may be cited as the **Customs (Amendment) (No. 3) Regulations 1992** and shall come into force on the 26th November 1992.

Citation and commencement.

P.U.(A) 227/94

P.U. (A) 227.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL KERAJAAN TEMPATAN
(DATARAN MERDEKA) (WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR) (PINDAAN) 1994**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta *Akta 171*, Kerajaan Tempatan 1976, Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Menteri mengesahkan, undang-undang kecil berikut:

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-
Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Dataran Merdeka) (Wilayah Persekutuan
(Kuala Lumpur) (Pindaan) 1994.** Nama dan
Pemakaian
- (2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja.
2. Undang-undang kecil 4 Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Dataran Merdeka) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 yang dalam Undang-Undang Kecil ini disebut "Undang-Undang Kecil ibu", adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "binaan" yang terdapat dalam perenggan (e) dan (f) teks bahasa kebangsaan dengan perkataan "struktur". Pindaan
undang-
undang
kecil 4.
P.U. (A)
30/4/92.
3. Undang-undang kecil 6 Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas perkataan "6.00 pagi", perkataan "melainkan dibenarkan oleh Datuk Bandar". Pindaan
undang-
undang
kecil 6.
4. Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 8 dengan undang-undang kecil yang berikut: Penggunaan
undang-
undang
kecil 8.
- "Larangan
menggunakan
Dataran
Merdeka
tanpa
permit. 8. Tiada seorang pun boleh, melainkan dikecualikan, menggunakan Dataran Merdeka bagi maksud mengadakan apa-apa sukan atau permainan, hiburan awam, ucapan awam, tunjuk perasaan, atau perhimpunan, mesyuarat, perkumpulan bagi apa-apa kempen, promosi tred, aktiviti politik, agama atau sosial atau apa-apa aktiviti lain tanpa permit daripada Datuk Bandar.". Pindaan
undang-
undang
kecil 10.
5. Perenggan (1) undang-undang kecil 10 Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "bagi mengadakan apa-apa ucapan awam, tunjuk perasaan, perhimpunan, mesyuarat, perkumpulan atau apa-apa aktiviti lain hendaklah dibuat" dengan perkataan "di bawah undang-undang kecil 8 hendaklah dibuat oleh penganjur".

Pindaan
undang-undang
kecil 13.

6. Perenggan (1) undang-undang kecil 13 Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "ucapan awam, tunjuk perasaan, perhimpunan, mesyuarat, perkumpulan atau aktiviti lain" dengan perkataan "aktiviti yang baginya permit telah dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 10".

Dibuat pada 26hb Ogos 1993.
[JHEU2/43/90; PN. (PU²) 328/25.]

DATO' DR. MAZLAN BIN AHMAD,
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Disahkan pada 7hb Oktober 1993.

DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,
Perdana Menteri

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LOCAL GOVERNMENT (DATARAN MERDEKA) (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) (AMENDMENT) BY-LAWS 1994

In exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the Commissioner of Kuala Lumpur makes, and pursuant to section 103 of the said Act the Minister confirms, the following by-laws:

Citation and application.

1. (1) These By-laws may be cited as the Local Government (Dataran Merdeka) (Federal Territory of Kuala Lumpur) (Amendment) By-laws 1994.

(2) These By-laws shall apply only to the Federal Territory of Kuala Lumpur.

*Amendment of by-law 4.
P.U. (A) 304/92.*

2. By-law 4 of the Local Government (Dataran Merdeka) (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-laws 1992 which in these By-laws are referred to as the "principal By-laws", is amended by substituting for the word "binaan" appearing in paragraph (e) and (f) of the national language text the word "struktur".

Amendment of by-law 6.

3. By-law 6 of the principal By-laws is amended by inserting, after the words "6.00 a.m.", the words "unless permitted by the Commissioner".

Substitution of by-law 8.

4. The principal By-laws are amended by substituting for by-law 8 the following by-law:

"Prohibition against using Dataran Merdeka without permit."

8. No person shall, unless exempted, use the Dataran Merdeka for the purposes of holding any sport or game, public entertainment, public address, demonstration, or assembly, meeting, gathering for any campaign, trade

promotion, political, religious or social activity or any other activity without a permit from the Commissioner.”.

5. Paragraph (1) of by-law 10 of the principal By-laws is amended by substituting for the words “to hold any public address, demonstration, assembly, meeting, gathering or any other activity shall be made” the words “under by-law 8 shall be made by the organiser”. Amendment of by-law 10.

6. Paragraph (1) of by-law 13 of the principal By-laws is amended by substituting for the words “public address, demonstration, assembly, meeting, gathering or other activity” the words “activity to which permit has been issued under by-law 10”. Amendment of by-law 13.

Made the 26th August 1993.
[JHEU2/43/90; PN. (PU²) 328/25.]

DATO' DR. MAZLAN BIN AHMAD,
Commissioner of the City of Kuala Lumpur

Confirmed the 7th October 1993.

DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,
Prime Minister

P.U. (A) 228.

AKTA KASTAM 1967

PERATURAN-PERATURAN KASTAM (PINDAAN) (No. 7) 1994


PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 142 Akta Akta 235. Kastam 1967, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) (No. 7) 1994** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 9hb Jun 1994. Nama dan mula berkuatkuasa.
2. Peraturan-Peraturan Kastam 1977 adalah dipinda dalam subperaturan 3(5)—
 - (a) dengan memotong perkataan “dan” di akhir proviso (v);
 - (b) dengan menggantikan noktah di akhir proviso (vi) dengan koma bernoktah dan perkataan “dan”; dan
 - (c) dengan memasukkan selepas proviso (vi) proviso yang berikut:
 - “(vii) di Tebedu waktu-waktu biasa itu adalah dari 6.00 pagi hingga 6.00 petang pada bila-bila hari kerja”.

Dibuat pada 11hb Mei 1994.
[Sulit KE. HE. (96) 667/07-11; Perb. 9060/18 Vol. 6 (SK. 13); PN. (PU²) 338/XII.]

ANWAR IBRAHIM,
Menteri Kewangan

P.U.(A) 365/2007



MALAYSIA

**Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 51
No. 22

7hb November 2007

*TAMBAHAN No. 127
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 365.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL KERAJAAN TEMPATAN (DATARAN MERDEKA)
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) (PINDAAN) 2007**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Dato Bandar Kuala Lumpur membuat dan, menurut seksyen 103 Akta, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

Nama

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Dataran Merdeka) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 2007**.

Pindaan undang-undang kecil 4

2. Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Dataran Merdeka) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 [P.U. (A) 304/1992] dipinda dalam perenggan 4(h) dengan memotong perkataan "rumput,".

Dibuat 21 Ogos 2007
[JHEU2/43/90 PT. III; PN(PU²)328A/XXIV]

**DATO' AB. HAKIM BIN BORHAN
Dato Bandar Kuala Lumpur**

Disahkan

**DATO' SERI ZULHASNAN BIN RAFIQUE
Menteri Wilayah Persekutuan**

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LOCAL GOVERNMENT (DATARAN MERDEKA) (FEDERAL TERRITORY OF
KUALA LUMPUR) (AMENDMENT) BY-LAWS 2007

In exercise of the powers conferred by section 102 Local Government Act 1976 [Act 171], the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes and, pursuant to section 103 of the Act, the Minister confirms, the following by-laws:

Citation

1. These by-laws may be cited as the **Local Government (Dataran Merdeka) (Federal Territory of Kuala Lumpur) (Amendment) By-Laws 2007**.

Amendment of by-law 4

2. The Local Government (Dataran Merdeka) (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-Laws 1992 [P.U. (A) 304/1992] is amended in paragraph 4(h) by deleting the words “grass.”.

Made 21 August 2007
[JHEU2/43/90 PT. III; PN(PU²)328A/XXIV]

DATO' AB. HAKIM BIN BORHAN
Commissioner of the City of Kuala Lumpur

Confirmed

DATO' SERI ZULHASNAN BIN RAFIQUE
Minister of Federal Territories

P.U. (A) 366.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH HAD LAJU KEBANGSAAN (PEMBERHENTIAN SEMENTARA) 2007

PEMBETULAN

DALAM P.U. (A) 318 yang disiarkan pada 19 September 2007, masukkan—

- (a) selepas perkataan “(PEMBERHENTIAN SEMENTARA)” yang terdapat dalam tajuk perkataan “(No. 2)”; dan
- (b) selepas perkataan “(Pemberhentian Sementara)” yang terdapat dalam subperenggan 1(1) perkataan “(No. 2)”.

P.U.(A) 167/15

4. Lorry transporting garbage and sewage
5. Goods vehicle of which its laden weight not exceeding 5,000 kg or unladen goods vehicle on the return journey
6. Container or cargo lorry plying between terminals within a port area
7. Container or cargo lorry plying—
 - (a) from a port to warehouse and *vice versa*; or
 - (b) within an industrial area close to a port
8. Tanker lorry transporting petroleum, diesel, gas and LPG
9. Lorry and heavy machinery for the purposes of emergency and rescue operation
10. Postal service lorry

Made 9 July 2015

[KP/PUU/0.440/W/BD/9 Jld. 13; PN(PU2)460/LXXX]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Minister of Transport

P.U. (A) 167.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL KERAJAAN TEMPATAN (DATARAN MERDEKA)
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) (PINDAAN) 2015**

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

Nama

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Dataran Merdeka) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 2015**.

Pindaan undang-undang kecil 2

2. Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Dataran Merdeka) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 [P.U. (A) 304/1992] yang disebut "Undang-Undang Kecil ibu" dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dalam undang-undang kecil 2, dalam takrif "perkakas jalan" dengan menggantikan perkataan "ertinya" dengan perkataan "termasuk".

Pindaan undang-undang kecil 3

3. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 3 dengan undang-undang kecil yang berikut:

"3. Dataran Merdeka adalah kesemua permukaan atas tanah yang dikelilingi oleh Jalan Raja kecuali kawasan yang diduduki oleh Kelab Diraja Selangor di bawah hak milik tanah No. PN 30902, Lot 71, Seksyen 59 Bandar Kuala Lumpur."

Pindaan undang-undang kecil 4

4. Undang-undang kecil 4 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan pertama, dengan memotong perkataan ", kecuali diluluskan oleh Datuk Bandar secara bertulis";
- (b) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan "memakan apa-apa makanan, meminum apa-apa minuman," dengan perkataan "meminum apa-apa minuman keras";
- (c) dalam perenggan (m), dengan memasukkan selepas perkataan "membuang air kecil atau air besar" perkataan "melainkan di tempat yang telah disediakan oleh Datuk Bandar bagi maksud itu";
- (d) dengan menggantikan perenggan (n) dengan perenggan yang berikut:
 - "(n) memindah, membuat perubahan kepada, atau mengalih apa-apa benda yang dipamerkan, dipertunjukkan, dilekat, digantung, diletak atau dibina oleh Datuk Bandar melainkan dengan kebenaran Datuk Bandar;";
- (e) dengan menggantikan perenggan (o) dengan perenggan yang berikut:
 - "(o) mendirikan apa-apa khemah, warung, bangsal atau struktur lain melainkan dengan kebenaran Datuk Bandar;";
- (f) dalam perenggan (q), dengan memasukkan selepas perkataan "mercun" perkataan "melainkan dengan kebenaran Datuk Bandar"; dan
- (g) dalam perenggan (s), dengan memasukkan selepas perkataan "Dataran Merdeka" perkataan "melainkan dengan kebenaran Datuk Bandar".

Pindaan undang-undang kecil 5

5. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 5 dengan undang-undang kecil yang berikut—

“Kelakuan ketika berada di Dataran Merdeka

5. Mana-mana orang yang berada di Dataran Merdeka tidak boleh—

- (a) menggunakan bahasa yang tidak sopan atau berkelakuan dengan cara yang boleh menyebabkan ketidakselesaan kepada orang awam;
- (b) mengadakan atau mengambil bahagian dalam perjudian; atau
- (c) menjalankan apa-apa kegiatan yang boleh menyebabkan kacau-ganggu kepada orang lain yang berada di Dataran Merdeka.”

Pemotongan undang-undang kecil 6

6. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 6.

Pindaan undang-undang kecil 7

7. Undang-undang kecil 7 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Dataran Merdeka” perkataan “melainkan dengan kebenaran Datuk Bandar di bawah mana-mana undang-undang kecil yang berkaitan.”.

Pindaan undang-undang kecil 14

8. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 14 dengan undang-undang kecil yang berikut—

“Kuasa tutup dan usir

14. Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh—

- (a) menutup keseluruhan Dataran Merdeka atau mana-mana bahagian daripadanya—
 - (i) jika difikirkannya perlu; atau
 - (ii) jika berlaku apa-apa kacau-ganggu yang mungkin mendatangkan bencana atau bahaya atau menjelaskan keselamatan orang awam; dan

(b) memerintahkan mana-mana orang—

(i) yang berada di Dataran Merdeka atau mana-mana bahagian daripadanya yang telah ditutup di bawah perenggan (a); atau

(ii) yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini;

diusir keluar daripada Dataran Merdeka dengan segera dan mana-mana orang yang enggan mematuhi perintah itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, dengan kekerasan yang munasabah, diusir keluar oleh Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.”.

Undang-undang kecil baru 14A

9. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 14 undang-undang kecil yang berikut—

“Penyitaan

14A. (1) Datuk Bandar boleh, menurut budi bicaranya menyita, memindahkan dan menahan apa-apa barang atau benda yang dibawa masuk ke Dataran Merdeka di suatu tempat yang sesuai bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar atas risiko pemunyanya atau orang yang melakukan kesalahan itu.

(2) Bagi barang-barang atau benda dari jenis mudah rosak, Datuk Bandar boleh melupuskan barang-barang atau benda itu dengan serta-merta tanpa notis mengikut apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh Datuk Bandar.

(3) Sekiranya terdapat apa-apa struktur yang didirikan di Dataran Merdeka tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Datuk Bandar, Datuk Bandar boleh merobohkan, mengalihkan dan menahan struktur itu di suatu tempat yang sesuai bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar atas risiko pemunyanya atau orang yang melakukan kesalahan itu.

(4) Mana-mana orang yang barang atau bendanya telah disita dan ditahan di bawah perenggan (1) atau (2) atau yang strukturnya telah dirobohkan, dialihkan dan ditahan di bawah perenggan (3) hendaklah menuntut barang atau benda atau struktur kepunyaannya dalam tempoh yang diberikan oleh Datuk Bandar tertakluk kepada bayaran untuk kos pengangkutan dan penyimpanan sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar. Sekiranya tidak ada tuntutan dibuat dalam tempoh yang diberikan, barang atau benda atau struktur itu akan dilupuskan tanpa notis mengikut apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh Datuk Bandar.

(5) Mana-mana orang yang barang atau benda atau strukturnya telah dilupuskan di bawah perenggan (4) tidak berhak menuntut apa-apa pampasan atau ganti rugi daripada Datuk Bandar.”.

Undang-undang kecil baru 14B

10. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 14A undang-undang kecil yang berikut—

“Pengecualian

14B. Datuk Bandar boleh mengecualikan mana-mana orang, dengan bersyarat atau tanpa syarat, daripada mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.”

Dibuat 23 Jun 2015
[DBKL/JHEU2/BPPP/43/90(BHG. III); PN(PU2)328A/XXVII]

DATUK SERI HJ. AIIMAD PHEZAL BIN HJ. TALIB
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Disahkan 30 Jun 2015
[KWP(S):24/PUU/698/1/I/24; PN(PU2)328A/XXVII]

DATUK SERI TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR
Menteri Wilayah Persekutuan

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LOCAL GOVERNMENT (DATARAN MERDEKA) (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) (AMENDMENT) BY-LAWS 2015

In exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes, and pursuant to section 103 of the said Act the Minister confirms, the following by-laws:

Citation

1. These by-laws may be cited as the **Local Government (Dataran Merdeka) (Federal Territory of Kuala Lumpur) (Amendment) By-Laws 2015**.

Amendment of by-law 2

2. The Local Government (Dataran Merdeka) (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-Laws 1992 [P.U. (A) 304/1992] which are referred to as the "principal By-laws" in these By-laws, are amended in by-law 2, in the definition of "street furniture" by substituting for the word "means" the word "includes".

Amendment of by-law 3

3. The principal By-laws are amended by substituting for by-law 3 the following by-law:

"3. Dataran Merdeka shall be the whole of the top surface of the land surrounded by Jalan Raja excluding the area occupied by the Royal Selangor Club held under title No. PN 30902, Lot 71, Seksyen 59 Bandar Kuala Lumpur."

Amendment of by-law 4

4. By-law 4 of the principal By-laws is amended—

(a) in the first paragraph, by deleting the words ", unless approved by the Commissioner in writing";

(b) in paragraph (a), by substituting for the words "eat any food, drink" the words "drink any liquor";

(c) in paragraph (m), by inserting after the word "defecate" the words "except in the place provided by the Commissioner for such purpose";

(d) by substituting for paragraph (n) the following paragraph:

"(n) displace, make any alteration to, or remove anything displayed, exhibited, affixed, hung, placed or constructed by the Commissioner except with the approval of the Commissioner;";

(e) by substituting for paragraph (o) the following paragraph:

"(o) erect any tent, booth, shed or other structures except with the approval of the Commissioner;";

(f) in paragraph (q), by inserting after the word "crackers" the words "except with the approval of the Commissioner"; and

(g) in paragraph (s), by inserting after the words "Dataran Merdeka" the words "except with the approval of the Commissioner".

Amendment of by-law 5

5. The principal By-laws are amended by substituting for by-law 5 the following by-law—

"Behaviour while at the Dataran Merdeka

5. Any person at the Dataran Merdeka shall not—

- (a) use any indecent language or behave in such manner that may cause uneasiness to the public;
- (b) organize or take part in gambling; or
- (c) carry out any activities that may cause nuisance to others at the Dataran Merdeka."

Deletion of by-law 6

6. The principal By-laws are amended by deleting by-law 6.

Amendment of by-law 7

7. By-law 7 of the principal By-laws is amended by inserting after the words "Dataran Merdeka" the words "except with the approval of the Commissioner under any related by-laws.".

Amendment of by-law 14

8. The principal By-laws are amended by substituting for by-law 14 the following by-law—

"Power of closure and removal

14. The Commissioner or any authorized officer may—

- (a) close the whole of the Dataran Merdeka or any part of it—
 - (i) if he thinks it necessary; or
 - (ii) if any nuisance arises that may likely cause disaster or danger or which affects the safety of the public; and

(b) order any person—

- (i) who remains at the Dataran Merdeka or any part thereof which is closed under paragraph (a); or
- (ii) who contravenes any of the provisions of these By-laws;

to immediately leave the Dataran Merdeka and any person who refuses to obey the order shall be guilty of an offence and may, by reasonable force, be removed by the Commissioner or any authorized officer.”.

New by-law 14A

9. The principal By-laws are amended by inserting after by-law 14 the following by-law—

“Power to seize

14A. (1) The Commissioner may, at his discretion seize, remove and detain any goods or things brought into the Dataran Merdeka at a suitable place for such period as may be determined by the Commissioner at the risk of the owner or the person committing the offence.

(2) In the case of perishable goods or things, the Commissioner may immediately dispose of such goods or things without notice in any manner as the Commissioner thinks fit.

(3) If there is a structure erected at the Dataran Merdeka without the written permission of the Commissioner, the Commissioner may demolish, remove and detain the structure at a suitable place for such period as may be determined by the Commissioner at the risk of the owner or the person committing the offence.

(4) Any person whose goods or things are seized and detained under paragraph (1) or (2) or whose structure has been demolished, removed and detained under paragraph (3) shall claim his goods or things or structure within the stipulated period given by the Commissioner subject to payment for the cost of transportation and detention as may be determined by the Commissioner. If there is no claim made within the stipulated period, the goods or things or structure shall be disposed of without further notice in any manner as the Commissioner thinks fit.

(5) Any person whose goods or things or structure has been disposed of under paragraph (4) shall not be entitled to claim for any damages or compensation from the Commissioner.”.

New by-law 14b

10. The principal By-laws are amended by inserting after by-law 14A the following by-law—

“Exemption

14B. The Commissioner may exempt any person, with or without conditions, from any provision of these By-laws.”.

Made 23 June 2015
[DBKL/JHEU2/BPPP/43/90(BHG. III); PN(PU2)328A/XXVII]

DATUK SERI HJ. AHMAD PESAL BIN HJ. TALIB
Commissioner of the City of Kuala Lumpur

Confirmed 30 June 2015
[KWP(S):24/PUU/698/1/1/24; PN(PU2)328A/XXVII]

DATUK SERI TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR
Minister of Federal Territories

Hakcipta Pencetak ⑪

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada manfa-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaiknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHKAM DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA